

# PENDIDIKAN SEKOLAH INGGERIS ANAK-ANAK ORANG MELAYU DI KELANTAN 1909 HINGGA 1957

*Education of Malay Children in English Schools at Kelantan District 1909 to 1957*

**Azannudin Ashari, Khairi Ariffin**

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia  
azannudin1994@gmail.com, khairi.ariffin@fsk.upsi.edu.my

**Published:** 30 April 2024

**To cite this article (APA):** Ashari, A., & Ariffin, K. (2024). Pendidikan Sekolah Inggeris Anak-Anak Orang Melayu di Kelantan 1909 Hingga 1957. *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(1), 76–82. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.1.8.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.1.8.2024>

## ABSTRAK

Sebelum kedatangan kolonial British di Tanah Melayu, masyarakat Melayu telah mempunyai corak pendidikan tersendiri iaitu pendidikan asas agama dan Al-Quran keutamaan kepada ilmu akhirat dan berpegang kepada tauhid serta mendahului keagamaan. Dipercayai pendidikan Islam di Kelantan telah bermula sejak 300-400 tahun yang lalu. Menjelang 1900 sehingga kini, pendidikan Islam di Kelantan dapat dilihat menerusi dua bentuk pengajian iaitu pendidikan pondok dan persekolahan. Kajian ini memfokuskan tentang sejarah Pendidikan Di Sekolah Inggeris anak-anak orang melayu di Kelantan 1909 hingga 1957. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji perkembangan pendidikan anak-anak orang melayu di sekolah inggeris daerah Kelantan. Selain itu, kajian ini menganalisis penglibatan anak-anak orang melayu di sekolah inggeris sehingga Merdeka pada tahun 1957. Seterusnya menganalisis isu dan masalah pendidikan inggeris ke atas anak orang Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan membuat rujukan di perpustakaan dan arkib. Maklumat-maklumat tersebut diperoleh melalui sumber primer dan sekunder. Sumber primer tersebut merujuk kepada analisis dokumen seperti *Colonial Office (CO), Annual Report*, dan fail Setiausaha Kerajaan (SUK) dari Arkib Negara Malaysia. Selain itu, sumber sekunder seperti penulisan ilmiah dari Arkib Negara Malaysia, Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) turut digunakan. Di samping itu, kajian ini turut menggunakan kaedah pemerhatian di lapangan seperti di sekolah-sekolah yang dikaji. Hasil kajian akan diperolehi setelah meneliti dan membuat kesahan data yang dikumpulkan. Pada awalnya, daerah di Kelantan mengamalkan sistem pendidikan secara tidak formal dan secara tradisional iaitu pengajian secara tidak langsung, pengajian di pondok-pondok dan di masjid-masjid. Namun setelah kemasukan British, sistem pendidikan Inggeris yang diperkenalkan olehnya memberikan kesedaran kepada masyarakat Melayu untuk mempelajari pelajaran Inggeris bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka. Justeru, kajian ini dijalankan bagi melihat pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris daerah Kelantan yang dibawa oleh British bagi membantu melicinkan pentadbiran negeri serta meningkatkan taraf hidup masyarakat daerah Kelantan sepanjang pendudukan British di Kelantan khususnya daerah Kota Bharu.

**Kata kunci:** pondok, ulama, agama, barat, pengaruh, pendidikan, pengaruh, taraf dan tahap

## ABSTRACT

*Before the arrival of British colonialism in Malaya, the Malay community had its own pattern of education which was religious education and Al-Quran priority over knowledge of the hereafter and adhering to monotheism and prioritizing religion. It is believed that Islamic education in Kelantan has started since 300-400 years ago. From 1900 until now, Islamic education in Kelantan can be seen through two forms of education, namely pondok education and schooling. This study focuses on the history of Malay children's education in English schools in Kelantan from 1909 to 1957. The objective of this study is to study the development of Malay children's education*

*in English schools in the Kelantan district. In addition, this study analyzes the involvement of Malay children in English schools until Independence in 1957. Next, it analyzes the issues and problems of English education for Malay children. This study uses a qualitative method by making references in libraries and archives. The information is obtained through primary and secondary sources. The primary source refers to the analysis of documents such as Colonial Office (CO), Annual Report, and Secretary of State (SUK) files from the National Archives of Malaysia. In addition, secondary sources such as scholarly writings from the National Archives of Malaysia, Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) and Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) were also used. In addition, this study also used observation methods in the field such as in the schools that were studied. The results of the study will be obtained after examining and validating the collected data. In the beginning, the district in Kelantan practiced an informal and traditional education system, which was indirect learning, learning in huts and in mosques. But after the entry of the British, the English education system introduced by him gave awareness to the Malay community to learn English lessons to improve their standard of living. Thus, this study was conducted to see the education of Malay children in English schools in the Kelantan district brought by the British to help smooth the state administration and improve the standard of living of the people of the Kelantan district throughout the British occupation of Kelantan, especially the Kota Bahru district.*

**Keywords:** hut, scholar, religion, west, influence, education, influence, level and level

## PENDAHULUAN

Kelantan merupakan negeri dalam Malaysia dan lokasinya terletak di Timur Laut Semenanjung Malaysia. Negeri ini dikatakan bersempadan dengan beberapa wilayah iaitu Pattani di Timur Laut, Perak (Hulu Perak) di barat, Pahang (Kuala Lipis) di selatan dan Terengganu (Besut) di tenggara. Selain itu, Laut Cina Selatan berada di timur Kelantan. Keluasan keseluruhan negeri Kelantan ialah seluas 14,931 kilometer persegi. Hal ini dapat digambarkan bahawa Kelantan merangkumi 4.4% daripada keluasan Malaysia. Malahan, Kelantan Namanya diambil daripada perkataan “gelam hutan” iaitu daripada nama pokok *Melaleuca Leucadendron* iaitu sejenis pokok gelam yang tumbuh di kawasan pantai negeri tersebut. Di Semenanjung, Tanah Melayu, negeri Kelantan dianggap sebagai sebuah negeri tertua. Hal ini demikian kerana, pada tahun 1953, kajian yang dibuat oleh Dr G. de G Sieveking di Gua Cha, Kelantan mendapat bahawa manusia telah mendiami Gua Cha adalah sekitar 2,000 hingga 3,000 tahun Sebelum Masihi.

Walaubagaimanapun, masyarakat di negeri Kelantan masih lagi berdiri atas asas pertolongan dan kerjasama individu yang ada di sekelilingnya dan menjadi teras kepada asas ekonomi, politik dan pendidikan di negeri tersebut. Selain itu juga, negeri Kelantan diberi gelaran ‘Negeri Serambi Mekah’ dan terletak di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu. Gelaran lain untuk negeri Kelantan ialah ‘Tanah Rendah Sekebum Bunga’, ‘Negeri Serambi Mekah’, ‘Negeri Che Siti Wan Kembang’ dan merupakan negeri keenam terbesar di Malaysia yang mempunyai 10 jajahan dan beberapa daerah. Seterusnya daerah dibahagikan kepada mukim yang menjadikan struktur pentadbiran berbeza daripada struktur pentadbiran di negeri-negeri lain khususnya di Malaysia. Jajahan merupakan salah satu kawasan pegangan yang terdapat di negeri Kelantan yang diketui oleh Ketua Jajahan di Pejabat Tanah dan Jajahan di setiap jajahan yang ada. Panggilan kepada jajahan sebenarnya sama seperti panggilan dengan daerah bagi negeri-negeri lain. Antara jajahan yang ada di Kelantan ialah Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh, Bachok, Machang, Tumpat, Tanah Merah, Kuala Krai, Jeli dan Gua Musang.

Terdapat 11 daerah yang ditadbir oleh Majlis Daerah dan diketuai oleh Penggawa yang terdiri daripada Majlis Daerah Bachok iaitu Bandar pelancongan Islam. Majlis daerah Pasir Puteh, Majlis Daerah Tumpat, Majlis Daerah Gua Musang, Majlis Daerah Jeli, Majlis Daerah Ketereh, Majlis Daerah Dabong. Majlis Daerah Kuala Krai, Majlis Daerah Tanah Merah, Majlis Daerah Machang, Majlis Daerah Pasir Mas dan Kota Bharu ialah Ibu negeri Kelantan. Pada tahun 1998, penduduk negeri Kelantan Darul Naim adalah berjumlah 1,484,000 orang dengan kadar pertumbuhan tahunan 2.5%. Manakala jumlah penduduk negeri Kelantan pada tahun 2008 adalah berjumlah 1,549,800 orang majoritinya masyarakat berbangsa Melayu diikuti Cina, India, Siam dan lain-lain lagi. Hal ini dapat dilihat jumlah bangsa Melayu adalah 94.1%, Cina 4% India 0.5 dan lain lain bangsa 0.8%. Aktiviti

masyarakat negeri Kelantan ialah pertanian kerana kebanyakannya melibatkan diri dalam bidang pertanian dan tinggal di kampung serta pinggir bandar.

Long Muhammad adalah permulaan asal-usul kerabat diraja Kelantan dan Putera Long Yunus menaiki takhta Kerajaan Kelantan dari tahun 1801 hingga tahun 1837 serta urutan sehingga ke zaman pemerintahan Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum.

Sultan Yahya Petra. [ Mohd Zin Salleh, (1987), *Keluarga Di Raja Kelantan Darul Naim*, Kota Bharu, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Hlm 7.] Setelah ditabalkan, Long Mohamad nama gelaran ‘Sultan Muhamad 1’ telah dipakai. Semasa pemerintahan Long Mohamad, Kelantan telah muncul sebagai sebuah negeri yang aman dan makmur dan tiada ancaman daripada mana-mana pihak menyebabkan ramai pedagang dari luar Kelantan datang untuk berdagang serta mendapat layanan baik dari baginda. Jalinan hubungan persahabatan telah dilakukan untuk mengukuhkan kedudukan baginda terutama dengan negara jiran iaitu Siam. Akibat daripada jalinan persahabatan tersebut, Siam telah memberi amaran kepada Terengganu yang mengganggu Kelantan dan kesannya Terengganu tidak lagi membuat ancaman terbuka kepada Kelantan. [ Faezah Abd. Rahman, (1991), *Pemerintahan Kelantan Menurut Kronologi*. Universiti Malaya Kuala Lumpur, Hlm.70.]

Pada 1909 Sultan Muhamad IV telah menandatangani persetiaan dengan Inggeris. Hal ini demikian kerana pengaruh Inggeris kuat dan secara tidak langsung menamatkan kekuasaan Siam ke atas negeri Kelantan. Selain itu, negeri Kelantan mula memakai gelaran ‘Darul Naim’ yang bermaksud negeri makmur pada tahun 1916 dan lambang negeri telah diperkenalkan serta diguna sehingga ke hari ini.[ Ibid. Hlm. 73.]

## LATAR BELAKANG

Pengkaji menjalankan kajian yang bertajuk Pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris daerah Kelantan 1909 hingga 1957. Terdapat beberapa buah sekolah Inggeris yang ada di Kelantan antaranya *Sultan Ismail Collage* dan Sekolah Inggeris Maik. Bermula 1870, Pihak British telah melaksanakan usaha bagi membangunkan pendidikan terutamanya Pendidikan vernakular. Sekolah Inggeris kerajaan (G.E.S) ini mula ditubuhkan oleh pihak kerajaan negeri Kelantan apabila mereka mula menyedari kepentingan bahasa Inggeris terhadap masyarakat setempat. Namun, mengikut kajian yang dibuat oleh Awang Had Salleh, D.D. Cheliah, Philip Loh Fook Seng, Hussien Hj. Ahmad dan Ibrahim Saad menyatakan bahawa dasar pendidikan yang dilaksanakan oleh British untuk memastikan kestabilan politik serta keuntungan ekonomi berpihak kepada mereka pada peringkat awalnya. Malahan, dasar pendidikan British terhadap orang Melayu dibezakan antara masyarakat atasan dan bawahan bahkan penyediaan pendidikan Inggeris dan vernekular Melayu juga dikawal selia sepenuhnya oleh British sebagaimana ulasan Tan Yao Suan dan Santhiram R. Raman.

## PERNYATAAN MASALAH

British berusaha untuk terus mengukuhkan penguasaan mereka terhadap penduduk di Tanah Melayu akibat daripada tekanan yang diterima daripada idea-idea pembaharuan pelajar dan jemaah haji dari Timur Tengah. Pendidikan merupakan salah satu saluran yang dipilih oleh British. Pada peringkat awal penubuhan sekolah Inggeris, kemasukan anak-anak orang Melayu di daerah Kelantan ke sekolah Inggeris adalah sukar kerana lebih memberi keutamaan kepada anak-anak golongan elit, kerabat Diraja, pembesar dan golongan bangsawan. Hal ini demikian kerana, golongan tersebut akan kembali berkhidmat dalam pentadbiran negeri dan menjadi penyokong kepada imperialisme British. Malahan, pihak British juga telah mengehadkan penubuhan sekolah Inggeris di Kelantan supaya selari dengan dasar yang diperkenalkan oleh pihak British. Sehingga tahun 1930, masih tiada sistem dan dasar yang jelas untuk Orang Melayu yang mempunyai kemampuan dan berhasrat belajar di Sekolah Inggeris untuk berkhidmat dalam perkhidmatan British. Malahan, peluang yang ada bukan percuma tetapi dikenakan kadar bayaran untuk mendapatkan pendidikan Inggeris dan menyukarkan anak-anak orang Melayu untuk menyambung pengajian.

Seterusnya, dasar pendidikan yang diperkenalkan oleh British kepada orang Melayu bertujuan untuk mendapatkan keuntungan yang maksimum dalam bidang pertanian selaras dengan hasrat menjadikan Tanah Melayu sebagai pembekal makanan yang mencukupi bagi seluruh penduduk. Selain tu juga, matlamat pihak British dalam memperkenalkan pendidikan kolonial adalah untuk memastikan politik dalam negeri berada dalam keadaan stabil dan pentadbiran British di negeri Kelantan berjalan lancar. Dasar pendidikan British terhadap orang Melayu diberikan antara masyarakat atas dan bawahan bahkan penyediaan pendidikan Inggeris dan vernakular Melayu juga dikawal sepenuhnya oleh British sebagaimana ulasan Tan Yao Sua dan Santhiram R. Raman. Namun, pada masa yang sama British perlu mengehadkan mobilisasi sosial dan ekonomi daripada pencapaian Pendidikan yang dikhuatiri boleh menjelaskan kedudukan British di Tanah Melayu.

Atas inisiatif masyarakat, Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) telah menubuhkan sekolah Inggeris untuk membantu anak-anak orang Melayu Kelantan yang ingin mengambil peluang menyambung pelajaran. Penubuhan sekolah Inggeris MAIK telah diperkenalkan pada tahun 1918. Penubuhan sekolah persendirian berkonsepkan swasta di Kelantan dibenarkan oleh British yang menyaksikan sekolah Inggeris pertama untuk pelajar perempuan di Kota Bharu ditubuhkan pada tahun 1919 bawah kendalian tenaga pengajar dari luar, Mrs. Pereira. Malahan Pada tahun 1930, Enakmen Pendaftaran Sekolah, No 26 diperkenalkan bertujuan untuk memantau perkembangan sekolah-sekolah bukan kerajaan tersebut. Namun, masyarakat di daerah Kelantan kurang memberikan sambutan untuk menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris kerana timbulnya persepsi ibu bapa yang menyatakan bahawa dengan menerima pelajaran Inggeris anak-anak orang Melayu akan terpengaruh dengan budaya barat. Ibu bapa masyarakat Melayu bersikap prejudis terhadap sekolah Inggeris yang boleh membentuk nilai-nilai barat ke dalam diri anak-anak orang Melayu di daerah Kelantan.

## METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif pada peringkat awal pengkajian. Kaedah kualitatif merujuk kepada proses penyelidikan yang melibatkan aktiviti pengumpulan maklumat melalui kaedah pemerhatian, interpretasi dokumen dalam melakukan penganalisaan, meneliti dan menganalisis secara kritis dokumen tinggalan masa lalu, majalah-majalah sekolah yang lama dan surat menyurat iaitu mengumpulkan atau menemukan sumber sejarah yang melibatkan dengan pendidikan sekolah Inggeris di Kelantan. Dalam kajian ini, pengkaji mensasarkan pelbagai dapatan seperti dokumen, manuskrip, kajian-kajian terdahulu dan bahan-bahan yang disimpan dalam bentuk dokumen, rekod-rekod peninggalan pihak kolonial British di Kelantan. Pengkaji menumpukan kepada catatan peristiwa, majalah-majalah lama, data-data statistik, rekod-rekod peninggalan pihak British Kelantan dan dokumen-dokumen yang melibatkan institusi pendidikan Inggeris di Kelantan pada tahun 1909 sehingga tahun 1957. Maklumat-maklumat tersebut diperolehi daripada sumber primer dan sumber sekunder.

Pengkaji menggunakan sumber primer dan sumber sekunder sepanjang melaksanakan kajian ini. Sumber-sumber primer seperti dokumen, laporan tahunan, peta dan gambar yang akan diperolehi dari Arkib negeri Kelantan, serta Arkib Negara Malaysia. Segala dokumen dan data-data yang didapati telah dianalisis dengan teliti dan diinterpretasikan oleh pengkaji bagi membantu dalam penulisan kajian mengenai pendidikan anak-anak orang Melayu di Sekolah Inggeris daerah Kelantan 1909 hingga 1957. Selain itu, sumber primer tersebut merujuk kepada dokumen-dokumen seperti Colonial Office (CO), Foreign Office (FO), Annual Report, dan fail-fail Setiausaha Kerajaan (SUK) dari Arkib, pengkaji turut mengumpul sumber dari Arkib Negara Malaysia dan juga Arkib Negara Malaysia cawangan Kelantan.

Selain itu, terdapat juga sumber-sumber sekunder yang telah diperolehi dari perpustakaan-perpustakaan seperti Perpustakaan Tunku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), perpustakaan awam Kelantan dan perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya (UM) bagi mendapatkan buku-buku, majalah atau kajian lepas mengenai pendidikan anak-anak orang Melayu di Sekolah Inggeris daerah Kelantan 1909 hingga 1957. Perpustakaan membekalkan sumber sekunder dan

membantu pengkaji untuk menginterpretasikan sumber dengan lebih mudah dan tepat. Maklumat yang diperoleh digunakan untuk membantu penulisan kajian sejarah yang disokong oleh sumber yang sah supaya tidak terpesong daripada objektif yang ditetapkan.

Penyelidik juga telah menggunakan kaedah penulisan berbentuk naratif dan deskriptif untuk menjadikan penulisan yang baik. Menerusi kaedah ini, setiap penulisan dilakukan adalah secara tersusun berlandaskan kepada objektif yang ditetapkan dan tajuk iaitu pendidikan anak-anak orang Melayu di Sekolah Inggeris daerah Kelantan 1909 hingga 1957. Penerangan yang dilakukan menggunakan kaedah naratif dan deskriptif adalah lebih terperinci. Kaedah ini juga lebih memudahkan pengkaji memahami satu isu yang akan dirungkaikan selain memudahkan pembaca untuk lebih memahami perkara yang akan disampaikan pengkaji. Selain itu, penggunaan kaedah naratif dan deskriptif juga adalah untuk menghuraikan maklumat dengan menggunakan pendekatan tematik. Hal ini dapat dilihat apabilauraian yang dibuat adalah mengikut tema yang sesuai berlandaskan kepada isu-isu penting berpandukan kepada objektif utama kajian. Walau bagaimanapun, kaedah penulisan berbentuk analisis juga turut dilakukan oleh penyelidik agar beberapa persoalan terjawab dan memberi fokus kepada pendidikan anak-anak orang Melayu di Sekolah Inggeris. Malahan, pengkaji telah mentafsir setiap laporan yang diperolehi secara hermeunitik iaitu disiplin ilmu mengenai pemahaman dan pentafsiran bahan yang diperoleh untuk memudahkan pengkaji.

Pengkaji juga menggunakan kaedah mentafsir sumber laporan. Pengkaji telah menggunakan kaedah ini dalam mendapatkan data yang terkandung dalam laporan tahunan sesebuah sekolah yang terlibat. Rekod laporan tahunan yang diperolehi merangkumi penglibatan pelajar, yuran kemasukan ke Sekolah Inggeris daerah Kelantan 1909 hingga 1957. Pengkaji mendapati bahawa laporan yang diperoleh adalah bahan yang belum lagi ditafsir. Oleh itu, pengkaji akan mentafsir laporan tersebut dengan merungkaikan persoalan seperti kandungan laporan tersebut seperti di arkib negeri Kelantan.

Kajian ini merupakan kajian khusus mengenai pendidikan anak-anak orang Melayu di Sekolah Inggeris daerah Kelantan 1909 hingga 1957. Kajian yang dijalankan adalah satu perintis kepada perkembangan pendidikan di sesebuah negara. Hal ini demikian kerana, dengan adanya sekolah Inggeris, kemajuan dan mobiliti sosial seseorang telah berkembang sehingga menjawat jawatan tertinggi dalam pentadbiran yang menjadi salah satu kebanggaan masyarakat. Pengkajian ini juga dilaksanakan adalah untuk menunjukkan peranan, isu, penglibatan masyarakat dan kejayaan serta kesan yang ada oleh anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris daerah Kelantan 1909 hingga 1957. Oleh itu, kajian ini adalah penting kerana melalui kajian ini, kita akan dapat melihat penglibatan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris memberi manfaat kepada individu, masyarakat serta negara dalam tempoh 48 tahun dari tahun 1909-1957.

Selain itu, kepentingan kajian ini juga adalah untuk mengetahui cara anak-anak orang Melayu menjadi pemancu kepada kebangkitan kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu tentang kepentingan menguasai pendidikan Inggeris. Hal ini demikian kerana, anak-anak orang Melayu yang berpendidikan Inggeris turut terlibat dalam memperjuangkan dan menuntut kemerdekaan. Penglibatan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris ini akan dilihat dari segi bilangan dan kejayaan yang diperolehi oleh anak-anak orang Melayu itu sendiri. Oleh itu, kajian ini perlu dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat sebenar berkenaan dengan penglibatan anak-anak orang Melayu sebelum era kemerdekaan. Walaubagaimanapun, penglibatan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris juga telah memberi sumbangan yang besar kepada penduduk di Kelantan.

Kajian ini juga adalah sebagai perintis kepada pengkaji dan memberi panduan kepada penyelidik pada masa akan mendatang khusus untuk menyediakan satu dokumentasi yang bersifat kesejarahan sosial yang berkaitan dengan pendidikan Inggeris. Seterusnya, dengan adanya penyelidikan berkaitan pendidikan anak-anak orang Melayu akan memaparkan perkembangan pendidikan Inggeris di negara Malaysia khusus kepada generasi muda. Seterusnya, penulisan yang dilakukan ini akan menjadikan universiti salah satu pusat penyelidikan apabila dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji lain apabila mereka akan mendapatkan contoh kajian lepas. Malahan kajian ini akan memperlihatkan taraf pendidikan Inggeris dalam kalangan kehidupan masyarakat Melayu di daerah Kelantan sebelum, semasa dan selepas pentadbiran kolonial British.

## **SKOP KAJIAN**

Skop kajian adalah antara tahun 1909 sehingga tahun 1957. Pengkaji telah memilih tempoh tersebut kerana bertujuan untuk mengkaji secara terperinci tentang penglibatan anak-anak Melayu ke sekolah Inggeris bagi tempoh 48 tahun dari tahun 1909 sehingga 1957. Skop tahun ini diambil kerana kajian bermula dari tarikh 1909 kerana Kerajaan British dan Siam telah memeterai Perjanjian di Bangkok dan British mula menguasai negeri tersebut pada tahun 1909. Menerusi perjanjian tersebut, Siam bersetuju untuk menyerahkan hak kedaulatan, pertahanan, pentadbiran dan segala hak miliknya ke atas Negeri-Negeri Melayu termasuk Kelantan dan pulau-pulau berdekatan, kepada Britain dan berakhir pada tahun 1957 kerana kesan perkembangan pelajaran Inggeris yang ditinggalkan oleh British sehingga kemerdekaan Tanah Melayu dapat dicapai serta persekutuan Malaysia ditubuhkan. Namun, pentadbiran kolonial British di Tanah Melayu masih kekal dan digunakan sehingga ke hari ini terutamanya ialah sistem percuakan, sistem perhubungan dan bidang pendidikan.

Perbincangan ini juga melibatkan kepada penduduk negeri Kelantan yang pernah terlibat dalam pendidikan di sekolah Inggeris sekitar tahun 1909 sehingga 1957. Selain itu juga, penulis mengkaji tentang kejayaan yang dicapai dan penglibatan anak-anak orang Melayu dalam pentadbiran di Kelantan dari tahun 1909 sehingga 1957. Namun begitu, dalam perkembangan yang dicapai menerusi institusi yang ditubuhkan oleh British sudah pasti mempunyai kesan terhadap individu, masyarakat, dan negara. Isu tersebut turut dikaji oleh pengkaji berdasarkan skop tahun yang telah dinyatakan. Di samping itu juga, pengkaji juga melihat kepada kepentingan penubuhan sekolah Inggeris dan penglibatan anak-anak orang Melayu kepada masyarakat dari tahun 1909 sehingga 1957. Kawasan dan skop kajian tertumpu di kawasan seluruh daerah Kelantan. Pengkaji memilih daerah di Kelantan sebagai kawasan kajian kerana terdapat penubuhan sekolah Inggeris perempuan yang pertama di Kota Bharu.

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, ini adalah satu cadangan kepada pengkaji bagi melakukan kajian yang ingin dibuat dan bab ini adalah pembimbing kepada pengkaji untuk menyelesaikan kajian. Beberapa objektif telah ditetapkan dan dinyatakan oleh pengkaji yang akan menjadi panduan bagi pengkaji seperti mengkaji latar belakang pendidikan orang Melayu di Kelantan. Secara keseluruhan, kajian tentang penglibatan pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris daerah Kelantan 1909 hingga 1957 yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah untuk melihat perkembangan sekolah Inggeris yang menjadi pencetus kepada pembangunan pendidikan masyarakat setempat. Selain itu juga, kajian ini dibuat adalah untuk memperlihatkan anak-anak orang Melayu yang memberi keutamaan kepada pendidikan Inggeris dalam membentuk keperibadian mereka terutama dalam bidang pekerjaan. Hal ini dapat dilihat apabila penubuhan sekolah Inggeris semakin berkembang secara langsung menarik minat masyarakat untuk melibatkan diri dalam sekolah tersebut. Pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris terletak pada sokongan dan komitmen yang diberikan oleh ibu bapa dan masyarakat.

Hal ini demikian kerana, aktiviti atau silibus di sekolah tersebut sentiasa dikawal selia oleh pihak pentadbiran. Sebagai contohnya, untuk menjadi seorang guru di sekolah tersebut mestilah lulus dalam ujian atau peperiksaan khas. Malahan, pihak pentadbiran juga menganjurkan aktiviti seperti pertandingan hoki yang melibatkan murid-murid daripada sekolah Inggeris lain sebagai inisiatif untuk merapatkan hubungan antara mereka. Kekuatan sekolah sememangnya terletak pada komitmen dan tanggungjawab yang tinggi daripada pengurusan sekolah tersebut. Matlamat yang jelas serta kepercayaan daripada masyarakat terhadap pendidikan Inggeris adalah kunci kepada kejayaan dan menjadikan tahap pendidikan anak-anak orang Melayu di sekolah Inggeris semakin baik.

## RUJUKAN

- Albert Anak Francis Akok, Pendidikan Melayu Pada Zaman Kolonialisme British di Kuching, Serawak Pada Tahun 1839-1963. (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris,2013).
- Awang Had Salleh, Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1974).
- Azhar Hj Wahid (2011), "Hegemoni Intelektual Kolonialisme dalam Novel Melayu, Colonial Intellectual Hegemony in Malay Novel" Jurnal Melayu (6).
- Bilcher Bala, (2000), *Penyelidikan dan Penulisan Sejarah*, Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faezah Abd. Rahman, (1991), *Pemerintahan Kelantan Menurut Kronologi*. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Hassan Harun (1999), *Kelantan Rakyat Dinamik, Negeri Semakin Ketinggalan*, Kuala Lumpur: DD Mediaconsult Sdn. Bhd.
- Kelantan Administration Report (KAR), 1919.
- Komaruddin Hidayat, "Upaya Memahami Pesan Tuhan", (Yogyakarta:UJI Press,2006)
- Khairi Ariffin, Ramli bin Saadon & Ismail, *Kurikulum Pelajaran Vernakular Melayu di Tanah Melayu pada Zaman Kolonial British sehingga Perang Dunia Kedua*. Dalam Jurnal Pusat Pantara Ilmu dan Bahasa. (2012).
- Lisa Yip Shukye Phd. (2013). *Pengantar Sejarah*. Freemind Horizons Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Mohd Roselan Abd. Malek (1997), *Salasilah Nama Tempat Negeri Kelantan Darul Naim*, Petaling Jaya: Penerbit Prisma Sdn. Bhd.
- Mohd Zin Salleh, (1987), *Keluarga Di Raja Kelantan Darul Naim*, Kota Bharu, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Nik Hazmi bin Nik Man, Sejarah Perkembangan Sekolah Melayu Di Kedah Sebelum Dan Selepas Campur Tangan British Sehingga Tahun 1941: Suatu Perbincangan. (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris,2009).
- Noresah bt Baharom, *Kamus dewan edisi ketiga*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007).
- Ramlah bt Mohamad Yusoff, *Pendidikan Kolonial British di Pulau Pinang Sebelum Pendudukan Jepun*. (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007).
- Siti Fathihah Abd Latif, Mahani Musa, *Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) Dan Pemodenan Pendidikan Di Kelantan, 1917-1957*, Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, Vol. 48 (1) (April 2021): 1-29. Universiti Sains Malaysia.
- Siti Fathihah binti Abd Latif, *Masyarakat Tempatan Sebagai Penggerak Pendidikan Di Kelantan, 1909-1941*. Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya; No. 29 (2) 2020: 89-107; ISSN 1985-0611.
- Shahril Talib, *History of Kelantan, 1890-1940*, Monograph No. 21, MBRAS, 1995.
- Suhartono W. Pranoto, "Teori & Metodologi Sejarah", ( Yogyakarta : Grana Ilmu,2004).
- Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram," Perkembangan Pendidikan Di Serawak", (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka,1990).
- Sufean Hussin. Pendidikan di Malaysia: Sejarah, sistem dan Falsafah. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008).
- Zetimimi Zakaria, (1997), "Kelantan Sebelum Persekutuan Tanah Melayu" dalam Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, Warisan Kelantan XIV. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.